

Perkembangan Pendidikan orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan *Western-Type-Education*

*The educational development of the Malays in Malaya before the
Emergence of Western-Type-Education.*

Ramli Saadon, Khairi Ariffin & Ishak Saat

Universiti Pendidikan Sultan Idris

email:ramli.saadon@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Artikel ini adalah berkaitan perkembangan pendidikan orang Melayu sebelum kemasukan sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh kolonial British. Pendidikan orang Melayu sebelum kolonial British adalah sangat kuat terikat dengan corak pendidikan tradisional yang berpegang teguh kepada konsep pendidikan yang berbentuk sosialisasi dan pendidikan keagamaan yang menekankan ajaran Islam. Penghasilan artikel ini adalah untuk melihat perkembangan pendidikan dalam kalangan orang Melayu di Tanah Melayu yang terbahagi kepada pendidikan informal, pengajian agama, sekolah pondok dan pengajian madrasah. Kajian ini adalah olahan dan penilaian hasil daripada rujukan sumber dokumen primer dan sekunder dari Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Universiti Awam Malaysia. Dapatan hasil kajian ini menunjukkan bahawa orang Melayu mempunyai sistem pendidikan mereka sendiri dan pendidikan dalam kalangan mereka adalah menjurus kepada pengajian agama Islam yang bersandarkan al-Quran dan Hadis. Secara keseluruhannya, artikel ini menunjukkan bahawa sebelum kedatangan kolonial British, masyarakat Melayu mempunyai sistem pendidikan agama yang membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Manakala kolonial British pula melihat pendidikan dalam kalangan orang Melayu tidak maju dan tidak berkembang kerana sikap prejudis mereka terhadap orang Melayu pada masa itu.

Kata Kunci: *pendidikan, orang Melayu, sosialisasi, Islam, Al-Quran, kolonial*

Abstract

This article relates to the development of education of the Malays before the entry of the secular education system introduced by the colonial British. Education for the Malays before the arrival of British colonial is very strongly bound to the traditional education pattern that adheres to the concept of education in the form of socialization; and education process that emphasizes the religious teachings of Islam. The production of this article is to study the development of education among the Malays in Malaya which were divided into informal education, religious education, boarding schools and madrasah education. This study is based on the reviewed articles and validation of results from references of primary document sources as well as secondary sources from the Department of National Archives and Library of the Institute of Public Higher Education Malaysia. The findings of this article have shown that the Malays had

its own educational system and education among those is focused on the study of Islam that is based on the Holy Quran and Hadith. Overall, this article has shown that before the advent of British colonization, the Malay community has had a religious education system that enabled them to continue their studies in the Middle East. However, the British colonial perceived that the education among the Malays were not advanced and developed due to their prejudice towards the Malays at that time.

Keywords: *education, Malays, socialization, Islam, the Holy Quran, colonial*

Pengenalan

Orang Melayu sebelum diperkenalkan pendidikan sekular (*western-type education*) sudah mempunyai konsep pendidikan sesuai dengan perkembangan masyarakat pada masa itu. Konsep pendidikan pada masa itu adalah dikatakan bersifat tidak formal, tetapi lebih merupakan suatu proses sosialisasi yang mengandungi proses tunjuk ajar dalam pelbagai bentuk kebolehan, proses pembentukan akhlak dan peribadi dan juga proses membiasakan diri dengan pelbagai intipati warisan budaya (Sabihah Osman, 1990: 43-44). Lebih sesuai fungsi yang dimaksudkan ini merupakan fungsi pembelajaran atau sosialisasi (Yaakob Haron, 1989: 21). Pada peringkat awalnya, pendidikan Melayu yang bercorak informal ini bermula dengan kanak-kanak yang melibatkan diri mereka dalam proses sosialisasi yang akan dilalui oleh kanak-kanak tersebut melalui beberapa tahap sehinggalah ia mencapai umur yang sesuai untuk memperdalam ilmu pendidikan sesuai dengan situasi yang ada pada masa itu.

Pendidikan Informal Dalam Masyarakat Melayu

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan informal ini, ibu bapa Melayu menggunakan beberapa pendekatan atau kaedah bagi memperbaiki dan memperbetulkan kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Dikatakan terdapat dua tahap:

1. *Tahap Pertama: Pada tahap ini, semasa proses sosialisasi kebiasaannya anak-anak dimarahi, ditegur, didenda, dan disuruh berjanji supaya tidak mengulangi kesalahan yang telah dilakukan. Dalam hal ini, memukul anak bukanlah bertujuan untuk menyakitkan mereka tetapi sebagai memberi pengajaran atau ingatan supaya mereka tidak melakukan kesalahan yang sama berulang-ulang kali.*
2. *Tahap Kedua: Tahap ini merupakan peringkat anak-anak meningkat ke alam keremajaan atau peringkat dewasa. Sesuai dengan umur mereka yang semakin bertambah di samping mengalami perubahan fizikal atau semakin dewasa, ibu bapa tidak lagi menggunakan kaedah atau pendekatan dalam kaedah pertama, sebaliknya ibu bapa menggunakan cara diplomasi dengan memberi nasihat dan teguran secara baik. Ibu bapa pula akan bersifat sebagai pemerhati (observer) terhadap segala perilaku dan kegiatan anak-anak mereka di samping memastikan anak-anak mereka telah membuat persediaan yang cukup dan lengkap bagi menghadapi zaman sebenar orang dewasa (iaitu bekerja dan*

mendirikan rumahtangga) di samping tidak mencemarkan nama baik ibu bapa atau keluarga (Ibid).

Pendidikan Melayu informal ini bukan setakat dalam lingkungan keluarga sahaja, tetapi diperluaskan skopnya iaitu merangkumi peraturan kemasyarakatan dan bersikap lebih bertanggungjawab. Bapa Melayu lazimnya akan melatih anak-anak lelaki mereka dalam pekerjaan yang biasanya akan dijalankan oleh kaum lelaki seperti membajak sawah, menangkap atau memukat ikan, bertukang, mengumpul hasil hutan, menternak binatang, bercucuk tanam dan sebagainya. Stevenson (1975) menyatakan:

“ For the greater part, the Malay child’s education was ‘informal’. It was by observing and assisting his parents, relatives and others in the work of agriculture, fishing and trapping, and their related handicrafts, that he built up a body of knowledge and store of skills which satisfied his later economic and material needs. Only a few boys of exceptional ability were chosen to specialize in particular crafts such as metal working or weapon making, or be trained in the arts of war, or be initiated into the magical world of the bomoh (spirit doctor). A few more become Mosque officials and scribes, but the bulk remained farmers and fisherman pure and simple. The Malay child’s learning of tradisional and proverbial saying and other popular verse, which passed on from one generation to the next by word of mouth, also comes under this heading. In the days before the coming of Islam, the education of a Malay child consisted entirely of this ‘informal type’ ” (Stevenson,1975:17).

Mengikut Manderson (1981), masyarakat Melayu zaman lampau iaitu sebelum diperkenalkan sistem persekolahan secara wajib, menunjukkan zaman kanak-kanak anak muda Melayu sama ada lelaki atau perempuan mempunyai laluan pengalaman hidup yang berbeza. Bagi kanak-kanak lelaki, ketika mereka mencapai usia enam atau tujuh tahun mereka terpaksa belajar mengaji Quran dan belajar agama atau khatam Quran sebagai bekalan menghadapi kedewasaan. Sebaliknya, zaman kanak-kanak anak gadis Melayu pula sangat singkat tempohnya iaitu apabila mencapai usia lebih kurang lima atau enam tahun, dia diharapkan oleh ibunya memasak, mengemas rumah dan membasuh pakaian (Manderson,1981:22-23). Perkembangan selanjutnya menunjukkan bagaimana adat mendefinisikan sosialisasi kanak-kanak supaya meliputi kemahiran-kemahiran seharian yang perlu dipelajari. Tambahan ilmu selanjutnya ialah anak-anak muda berkenaan akan belajar ilmu memperlengkapkan diri seperti pengetahuan tentang belayar dan ilmu persilatan. Manakala anak-anak-anak perempuan akan menambahkan pengetahuan dan kemahirannya dengan ilmu menenun dan menjahit. Tetapi, anak gadis yang sudah cukup dewasa dan cukup besar untuk membantu kerja rumah dan baligh (cukup umur) akan menjadikan pergerakan anak perempuan berkenaan akan disekat jika berada di luar rumah. Ianya akan diajar supaya bersopan santun, lemah lembut dan bersikap hormat sesuai dengan perwatakan seorang gadis malahan bakal suaminya juga akan ditentukan oleh kedua orang tuanya (ibid: 23-24).

Mengikut Winstedt (1966), menjelaskan orang Melayu beberapa abad lamanya mempunyai beberapa jenis perkara tentang pendidikan mereka (orang Melayu). Terdapatnya

beberapa jenis latihan bagi anak lelaki dan perempuan seperti mempelajari cara menangkap ikan, menjerat binatang, bertani, menenun dan memasak daripada ibu bapa mereka. Manakala dalam pengetahuan peribahasa dan cerita lisan (rakyat) lebih banyak oleh anak perempuan berbanding dengan anak lelaki (Winstedt, 1966:131-132).

Mansur Sanusi (1955) menyatakan pendidikan yang diperoleh oleh orang Melayu sebelum kedatangan kuasa Eropah adalah dikenali **sekolah bumiputera**. Beliau memetik dalam Hikayat Abdullah bahawa diceritakan yang orang Melayu tidak ada sekolah yang khas. Pada masa itu orang Melayu hanya mempunyai beberapa tempat belajar membaca Quran dan menulis pelajaran agama daripada guru Quran yang dipilih oleh ibu bapa kanak-kanak tersebut. Guru pada masa itu dikatakan mengajar berbagai-bagai ilmu seperti bersilat, bomoh, nujum, pawang, mengarang, dan menyalin. Sekolah Quran tersebut biasanya diadakan di rumah guru sahaja. Ibu bapa menyerahkan anak-anak mereka kepada guru yang dipilih berserta dengan barang bekalan seperti segulung tikar, bantal, periuk belanga, dan sekampit beras. Mereka akan belajar tiga kali sehari iaitu satu pelajaran selama satu jam. Pada waktu lapang pula, murid-murid berkenaan disuruh bekerja menolong guru masing-masing seperti membuat sawah, membuat kerja di rumah atau di dusun. Selain itu, di sekolah ini juga murid juga diajar tentang huruf Arab bagi menulis dan menyalin kitab-kitab agama dan membaca Quran. Setiap murid diwajibkan menunaikan fardhu sembahyang lima waktu sehari semalam. Sementara murid perempuan diajar membaca Quran sahaja dan tidak seperti murid lelaki, tetapi di tempat tertentu murid perempuan ada juga diajar membaca dan menulis dalam bahasa Melayu (Mansur Sanusi, 1955:31).

Sebenarnya pendidikan informal ini adalah sama penting juga dengan pendidikan yang dikatakan formal. Ini adalah disebabkan pendidikan informal dan pendidikan formal mempunyai matlamat yang sama iaitu memberi kemajuan dan perubahan dalam kehidupan generasi muda bagi bangsa masing-masing sebagai mana yang dinyatakan oleh Moehlman (1951):

*“ Education, both formal and informal, has accelerated the shift from rural to highly industrialized nation or cultures in the time span of a few generation”
(Moehlman, 1951:2).*

Pendidikan Institusi Agama

Agama Islam yang diterima oleh orang Melayu adalah bermula dengan kemasukan Islam di Melaka dan perkembangan peradaban kerajaan Melayu Melaka menjadikan agama Islam dapat disesuaikan dan diasimilasikan dalam kepercayaan beragama dalam kalangan orang Melayu yang sebelum ini di bawah pengaruh kepercayaan Hindu dan Buddha. Nilai budaya orang Melayu Melaka bertemu dengan nilai budaya Islam yang dibawa oleh orang beragama Islam dari luar kepulauan Melayu pada masa itu. Kerajaan Melayu Melaka mulai sedar tentang pentingnya nilai intelektual dan pada masa itu Islam telah memainkan peranan yang utama (Shafie Abu Bakar, 1987:130).

Sehubungan itu, negeri Melaka dianggap memulakan pendidikan agama untuk orang Melayu Melaka sesuai dengan konteks pada zaman abad keempat belas yang diistilahkan pada hari ini sebagai perintis kepada pendidikan agama tradisional. Pada asasnya, pada peringkat awal permulaan Islam, konsep belajar adalah bermula yang paling utama iaitu tentang Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah yang tekah diwujudkan di institusi seperti surau, balai, langgar, masjid dan melalui institusi guru tertentu seperti Maulana Yusof dan Kadi Munawar. Istana merupakan

puncak pengajian tradisi dan kegiatan intelektual, politik, dan kebudayaan. Sultan merupakan pelindung dan penaung kepada kegiatan yang bersifat intelektual dan kebudayaan dan juga turut serta seperti mana peristiwa Sultan Mansur Syah belajar agama dengan Maulana Abu Bakar dan Sultan Mahmud pula berguru kepada Maulana Yusof (Shellabear, 1967:27).

Perkembangan pendidikan di Melaka ini sebenarnya merupakan pendidikan bagi orang Melayu yang paling awal dan sesuai dengan zamannya dan orang Melayu pada masa itu berjaya menguasai ilmu pendidikan mengikut konteks pada masa itu yang menerima pengaruh agama Islam. Pendidikan Islam juga merupakan suatu bidang pendidikan yang mendapat tempat seluruh dunia pada masa itu dan bukanlah merupakan bidang pendidikan yang dianggap sebagai ketinggalan atau tradisionial, sebaliknya kedatangan kolonial British pada awal abad keemban belas lebih mempopularkan pendidikan sekular yang cuba diperkenalkan oleh mereka dengan menganaktirikan orang Melayu yang pada masa itu masih setia dan berminat dengan pendidikan ke arah keagamaan. Melihat kepada sejarah silam orang Melayu Melaka, ramai juga tokoh terpelajar di Melaka dihasilkan daripada pengajian agama Islam seperti Maulana Abu Bakar, Kadi Yusof, Tun Bija Wangsa, Tun Isap Misai, Tun Muhammad dan Kadi Munawar (*ibid*).

Bukti lain yang menunjukkan agama Islam mula bertapak di Tanah Melayu adalah dengan penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada abad keempat belas. Pada batu bersurat ini terdapat inskripsi tentang hal-hal yang berkaitan undang-undang yang ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi (Fatimi. S.Q, 1963:94). Islam dikembangkan di kepulauan Melayu melalui usaha yang dijalankan oleh golongan Sufi (mistik). Golongan Sufi dikatakan berjaya mengembangkan Islam dalam kalangan orang Melayu kerana keperibadian dan sifat ahli sufi yang boleh diterima oleh masyarakat Melayu pada ketika itu (*ibid*).

Bentuk pendidikan yang paling awal dipercayai wujud bagi anak Melayu setelah kedatangan agama Islam adalah sekolah al-Quran (Fancis. H.K *et.al*, 1972: 10). Pada peringkat ini, ibu bapa Melayu mengamanahkan anak-anak mereka yang berumur antara enam atau tujuh tahun kepada seorang guru agama untuk diajar tentang ilmu pengajian Islam. Antara isi kandungan pelajaran yang diikuti oleh anak ini adalah asas-asas berkaitan tentang agama Islam terutama sekali ialah mempelajari cara mendirikan sembahyang. Sekolah al-Quran ini antaranya merupakan rumah kediaman guru agama berkenaan, masjid ataupun surau di dalam kampung berkenaan (Rosnani Hashim, 1966:19).

Pengajian Sekolah Pondok

Dalam memahami latar pendidikan Melayu, institusi yang paling awal ialah institusi pengajian pondok. Konsep pengajian pondok ini dikatakan bermula di Tanah Melayu pada abad kesembilan belas. Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab iaitu *funduq* yang membawa maksud rumah tumpangan atau hotel (Cowan, 1976: 729). Ada juga pendapat yang menyatakan sistem pengajian pondok berasal dari Sumatera, Indonesia atau Pattani di Selatan Thailand. Pendapat lain juga menyatakan bentuk pengajian pondok adalah berasal dan dipengaruhi sistem pendidikan dari Mekah pada masa tersebut. Ini dikatakan kerana kaedah pengajian di pondok mempunyai persamaan dengan apa yang terdapat di Mekah dan ditambah pula dengan kalangan guru-guru pengajian pondok telah mengunjungi Mekah bagi mendalami pengajian agama mereka (Rosnani Hashim : 21). Dalam sistem pengajian pondok, rumah guru atau masjid akan dikelilingi pondok kecil (merupakan tempat tinggal beberapa orang pelajar) atau asrama (bagi bilangan pelajar yang ramai). Umpamanya sebuah tempat pengajian pondok tertua di Kelantan telah didirikan pada tahun 1820 yang dikenali sebagai Pondok Tok Pulau

Condong (Azemi Kadir, 1986:11). Lokasi pondok ini adalah jauh daripada kampung halaman para pelajar atau berada di sebuah kampung lain. Kebiasaannya bangunan pengajian pondok dibina jika bilangan pelajar terlalu ramai bagi menampung keperluan tempat penginapan. Untuk mengatasi masalah berkenaan, atas inisiatif guru agama, penduduk kampung, atau ibu bapa pelajar, pondok kecil didirikan di sekitar rumah guru agama berkenaan atau di kawasan masjid. Terdapat juga orang tertentu bermurah hati mendermakan tanah mereka kepada guru agama berkenaan sebagai wakaf.

“Method of teaching were not systematic life teaching done in school for instruction was given only in houses, surau, and mosque. Condition, however improved later and the teaching was done in “pondok” (hut), where the pupils gathered in ‘madrasah’ (a place dedicated for religious purpose) to hear teachers reading the religious book. Teaching of this kind was done during leisure hours, i.e usually in the morning and at night. Usually the teaching in the ‘pondok’ was managed by ‘ulama’ who generally become the sole directors” (Report Of Committee Consider Financial Aids to Non-Government Islamic Religious School, 1956: 1)

Pengajian di pondok adalah secara percuma dan terbuka kepada semua orang Melayu yang beragama Islam. Kebiasaannya para pelajar akan menyambung pengajian di pondok setelah mereka tamat belajar di sekolah al-Quran (di kampung masing-masing). Para pelajar yang datang untuk mengikuti pengajian di pondok adalah mereka yang mempunyai tahap kebolehan dan pengetahuan yang berbeza antara satu dengan lain. Syarat minima yang dikehendaki bagi membolehkan para pelajar mengikuti pengajian di pondok ialah mereka boleh membaca al-Quran (ini telah dipelajari di sekolah al-Quran), boleh membaca dan menulis huruf Jawi, dan mempunyai kemampuan kewangan untuk menanggung perbelanjaan mereka di pondok (Rosnani:21). Kepelbagaian tahap kebolehan para pelajar yang memasuki pondok membolehkan para pelajar diajar atau dibantu oleh rakan sekelas yang mempunyai lebih sedikit pengetahuan atau dikenali sebagai pemelajaran koperatif.

Secara umumnya, segala perbelanjaan di institusi pondok adalah melalui derma, sumbangan ikhlas, dan zakat. Guru-guru menyumbang tenaga mereka sebagai pengajar tanpa menuntut bayaran dan mereka pula tidak dibayar gaji. Guru-guru yang berkhidmat di sekolah pondok adalah menjalankan kehidupan secara simple, tetapi telah memberi pengorbanan yang tidak ternilai dari segi masa dan tenaga mereka, dan melakukan kerja dengan penuh kerelaan. Hanya beberapa lama selepas perkembangan institusi pengajian pondok, barulah para pelajar dikehendaki membayar yuran. Tiada sistem peperiksaan, dan kenaikan ke tahap pengajian yang lebih tinggi adalah ditentukan melalui kebolehan para pelajar. Manakala jangka masa pengajian adalah bergantung atau ditentukan oleh para pelajar sendiri sama ada mereka tekun atau sebaliknya (*ibid*).

Ibu bapa dan para pelajar bebas untuk memilih pondok pengajian yang mereka suka sebagai tempat menuntut ilmu ataupun mereka bebas untuk berpindah dari satu pondok pengajian ke pondok pengajian lain apabila mereka merasakan tidak sesuai mengikuti pengajian di pondok berkenaan. Ada juga di antara para pelajar yang berpindah randah atau mengembara untuk mendapatkan ilmu dan ini merupakan kepelbagaian cara mendapatkan ilmu pengetahuan dalam sistem pendidikan Islam tradisional. Walau bagaimanapun, sesebuah institusi pengajian pondok tidaklah mengeluarkan sijil kelulusan akademik seseorang pelajar yang tamat pengajian.

Guru-guru sekolah pondok kebiasaannya mendalami pengajian di Mekah selama beberapa tahun dan mempunyai kebolehan dan berpengetahuan dalam cabang ilmu Islam tertentu dan inilah yang akan disampaikan kepada para pelajar yang mengikuti pengajarannya di pondok yang menjadi tempat guru berkenaan menyumbangkan baktinya.

Antara tokoh yang menjadi guru dalam institusi pengajian pondok dan di antara mereka pernah mendalami pengajian di Mekah ialah Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Sayid Abdul Rahman (Tokku Paloh), dan Muhammad Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali). Negeri-negeri Melayu di sebelah pantai timur iaitu Kelantan dan Terengganu adalah dianggap sebagai negeri perintis kepada pendidikan pondok walaupun tidak dinafikan Kedah juga dianggap mempunyai sumbangan dan peranan yang sama dalam mengembangkan institusi pengajian pondok di Tanah Melayu. Terengganu sangat terkenal kerana pada pertengahan abad kesembilan belas hingga akhir abad kesembilan belas ramai ulama di negeri tersebut. Sehingga penghujung abad kesembilan belas terdapat sepuluh pusat pengajian pondok di Terengganu (Saudah,1978:117) dan lapan buah di Kedah (Ahmad Abdul Ghani, 1977:13).

Berbeza dengan pendidikan sekular, kaedah dan sukatan isi pelajaran pondok adalah bergantung kepada guru-guru di institusi pondok berkenaan. Kaedah atau pendekatan pengajaran yang biasa dilaksanakan adalah kaedah kuliah, penghafalan, pembacaan, mengulangkaji dan menyalin teks. Situasi pembelajaran dan pengajaran di pondok biasa menggunakan kaedah yang dikenali sebagai membaca kitab (menadah kitab / membuka kitab) iaitu para pelajar duduk secara separuh bulatan (halaqah / *semi circle*) menghadapi guru dan mereka akan memberi tumpuan kepada kitab semasa guru membaca atau memberi penerangan secara perlahan-lahan daripada teks yang dibaca oleh guru berkenaan. Walaupun teks yang dibaca dalam bahasa Arab, guru berkenaan akan menjelaskan maksud perkataan sukar, frasa atau rangkai kata yang sukar dan perenggan untuk memastikan agar para pelajar benar-benar faham (Rosnani:22). Para pelajar akan cuba membuat hafalan atau membuat salinan nota daripada kelas perbincangan berkenaan. Prosedur ini akan dilakukan berulang kali sehinggalah pembelajaran terhadap teks berkenaan tamat. Selain itu, kaedah penghafalan diguna pakai dalam mempelajari tatabahasa Arab, surah-surah al-Quran, Hadis dan ilmu Tauhid. Kaedah dan teknik penghafalan digunakan dalam institusi pengajian pondok kerana perakar-perkara yang dipelajari oleh para pelajar adalah berkaitan dengan asas bagi pemahaman terhadap teks yang ditulis dalam bahasa Arab (Abdullah Hj Ishak,1987:173)

Pembelajaran dan pengajaran di institusi pondok adalah fleksibel dan tidak terikat pada masa-masa tertentu dan terpulung kepada kebijaksanaan guru-guru di institusi pondok berkenaan. Kebiasaannya, kelas bermula selepas waktu fajar (awal pagi) dan berakhir sehingga pukul sebelas. Kelas disambung semula selepas waktu zohor iaitu dari pukul dua hingga empat petang. Kelas disambung sekali lagi selepas waktu maghrib sehinggalah pukul sepuluh malam. Kehadiran para pelajar di setiap waktu kelas tidak diambil kira sangat oleh guru-guru yang mengajar atau dari segi ketepatan masa pelajar berada di dalam kelas kerana guru membuat pertimbangan bahawa pelajar yang datang lewat berkenaan adalah bujang dan terpaksa menguruskan sendiri kehidupannya seperti memasak dan membasuh pakaian sendiri.

Kemunculan institusi pondok di Tanah Melayu terutamanya di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) agak bertaburan atau tidak sekata namun sukatan pelajaran di institusi pondok berkenaan adalah mempunyai persamaan. Semua institusi pondok mengajar pelajaran asas iaitu Tauhid, Tafsir al-Quran, Feqah, Hadis, Tatabahasa Arab, Tassawuf dan Sejarah. Bagi sesetengah pondok, terdapat beberapa pelajaran lain yang turut diajar seperti ilmu Tajwid, Nasyid (lagu pujian), Mantiq dan kemahiran pengubatan secara Islam iaitu

menggunakan herba dengan bacaan ayat suci al-Quran (*ibid*,28). Buku teks yang digunakan bagi mata pelajaran berkenaan adalah berbagai-bagai dari sesebuah institusi dengan sesebuah institusi pondok yang lain bergantung kepada guru di pondok berkenaan dan kebolehan para pelajar berkenaan. Secara umumnya, sukatan pelajaran di institusi pondok adalah menekankan pengetahuan tentang Fardu Ain. Matlamat pendidikan di institusi pondok adalah melahirkan seorang Islam yang mengetahui tentang undang-undang dan kehendak ajaran Islam sebenar serta memiliki sifat keperibadian yang mulia dan tinggi serta mencari kebenaran hakikat. Selain itu, matlamat lain institusi pengajian pondok ialah melahirkan pegawai masjid (Imam, Khatib, Bilal, dan Siak), guru agama, guru al-Quran, dan juga sebagai asas bagi pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi (Tengku Aziz Tengku Ibrahim, 1975:27).

Pendidikan institusi pondok terus berkembang pada awal abad kedua puluh. Pada masa itu, negeri Kedah sahaja mempunyai empat puluh buah institusi pengajian pondok. Populariti institusi pengajian pondok telah mendapat reaksi yang kurang menyenangkan hati pihak pentadbir kolonial British. Pegawai Daerah Temerloh pada tahun 1905 membuat aduannya:

“Anak negeri tetap tidak menghiraukan pelajaran keduniawian, sungguhpun mereka bersedia menghantar anak-anak mereka berbatu-batu jauhnya untuk belajar membaca al-Quran. Ada sebuah sekolah al-Quran yang ramai anak-anak muridnya di Lipat Kajang, dan ke sekolah inilah pemuda-pemuda berduyun-duyun datang dari segenap pelosok negeri. Setiap tahun ada pula sebilangan besar pemuda-pemuda daerah ini pergi ke Petani dan Kedah untuk mendapat ajaran agama iaitu ajaran agama yang nampaknya tidak terdapat dalam negeri Pahang.(Pahang Annual Report,1905 dlm Roff. W.R,1975:96)”

Pada masa yang sama iaitu penghujung abad kesembilan belas, kerajaan kolonial British juga menyediakan sekolah rendah yang bersifat sekular untuk anak Melayu terutama di sebelah pantai barat dan selatan Tanah Melayu. Tetapi, kebanyakan ibu bapa enggan menghantar anak mereka belajar di sekolah berkenaan kerana takut terpengaruh dengan ajaran Kristian (*ibid*).

Antara faktor yang mendorong ibu bapa amat berminat terhadap institusi pengajian pondok kerana guru di sekolah pondok pada masa itu adalah berpengetahuan tinggi, berkualiti, dan berkalibar kerana mereka mendapat pendidikan di pusat-pusat pengajian Islam yang terletak di Timur Tengah seperti di Mekah dan Mesir juga pusat pengajian di Pattani yang terletak di selatan Thailand. Orang Melayu mentaati dan patuh kepada agama yang dianuti oleh mereka, terdapatnya pencetakan akhbar dan majalah yang boleh membantu mendapatkan bahan asal atau teks yang diterjemahkan ke dalam tulisan Jawi, keadaan di mana sekolah Melayu dan sekolah Inggeris belum berkembang ke seluruh kawasan sebagai faktor yang mendorong pertumbuhan institusi pengajian Pondok di Tanah Melayu (Azemi Kadir, 1975).

Faktor lain yang juga dikatakan bertanggungjawab menggalakkan perkembangan kemunculan institusi pengajian pondok adalah disebabkan kesan penguasaan pemerintahan di Tanah Melayu oleh kuasa kolonial British. Mengikut Khoo Kay Kim, perkembangan sekolah agama termasuk institusi pengajian pondok adalah sebagai reaksi dan tindakbalas terhadap cabaran kemunculan pendidikan bercorak sekular terutama penubuhan sekolah Melayu yang bersifat sekular yang tidak mengajar pelajar Melayu dengan pendidikan Islam. Ini ditambah pula dengan kegiatan pertubuhan mubaligh Kristian yang memainkan peranan memperkenalkan pendidikan sekular di sekolah vernakular Melayu dan Inggeris (Khoo Kay Kim, 1980 : 8).

William R. Roff pula menyatakan bahawa pertambahan sekolah agama adalah disebabkan dua faktor iaitu 1) dari sudut kepentingan atau faedah di mana orang Melayu melihat amat sedikit sahaja keuntungan diperoleh daripada pendidikan sekular jikalau ditambah dengan pendidikan Inggeris seterusnya dapat dikatakan memberi sedikit lagi keistimewaan, sedangkan ianya hanya boleh didapati di kawasan bandar; 2) gerakan pembaharuan Islam yang dikenali sebagai Islah telah bermula pada penghujung abad kesembilanbelas memberi semangat baru dalam pendidikan agama. Golongan reformis Islam di Tanah Melayu telah menerbitkan majalah dan akhbar untuk mengembangkan idea-idea baru. Roff dalam bukunya menyatakan:

“Sesungguhnya dalam lapangan pelajaran, cara baru itulah kesannya serta merta golongan pembaharu-pembaharu itu lebih jelas kelihatan, bukan saja dalam perangsang yang diberikan kepada cita-cita mengadakan sekolah-sekolah agama yang lebih bernilai dan lebih besar tujuannya daripada yang sudah ada tetapi juga dalam usahanya menganjurkan satu sistem pelajaran yang dicita-citakan akan memperhitungkan keperluan kesucian Islam serta keperluan pengetahuan duniawi juga (Roff. W.F :82).”

Isu dan Cabaran Pengajian Sekolah Pondok

Secara beransur-ansur institusi pengajian pondok mula mengalami kemerosotan mungkin akibat persaingan peluang pendidikan yang memberi alternatif kepada orang Melayu pada awal abad kedua puluh untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah vernakular Melayu, sekolah Inggeris, dan sekolah agama Madrasah yang mula diperkenalkan pada awal abad kedua puluh. Bermula tahun 1918, beberapa sekolah pondok telah ditutup kerana mengalami kekurangan pelajar dan perpindahan para pelajar ke Madrasah (institusi pengajian agama yang baru). Kemerosotan institusi pengajian pondok disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

1. *Perkembangan pendidikan moden iaitu pendidikan vernakular Melayu dan pendidikan Inggeris yang mula melanda orang Melayu di Tanah Melayu. Pendidikan Inggeris menawarkan lepasannya bekerja dalam perkhidmatan kerajaan kolonial British dan syarikat milik British. Peluang pekerjaan ini dikatakan telah mengubah pandangan orang Melayu terhadap sekolah sekular pada masa itu.*
2. *Pondok dipercayai tidak dapat menyediakan guru pengganti jikalau seseorang guru berkenaan tiada atau meninggal dunia manakala anak kepada guru berkenaan tidak mahu meneruskan tugas yang telah dilakukan oleh bapanya.*
3. *Pondok tidak mempunyai sumber kewangan yang stabil, hanya dibantu oleh jabatan dan majlis agama negeri sahaja, zakat tidak diberikan berterusan kepada pondok tetapi telah dikutip oleh dan dibelanjakan oleh jabatan dan majlis agama negeri masing-masing.*
4. *Jabatan dan Majlis Agama negeri telah mula mengambil alih tanggungjawab bagi guru-guru pondok atau ulama yang hendak dilantik mestilah mempunyai surat tauliah untuk mengajar dan ini mengurangkan kebebasan dan budi bicara guru-guru pondok dan ulama*

yang secara langsung mengubah kedudukan mereka sebelum ini (azemi Kadir: 18-20).

Walaupun institusi pengajian pondok semakin kurang mendapat sambutan pada masa itu, tetapi sumbangan institusi ini amat bermakna dan diiktiraf dalam membantu masyarakat Melayu sebelum era pendidikan sekular mengambil alih perkembangan pendidikan di Tanah Melayu. Institusi pengajian pondok dikatakan memainkan peranan yang amat besar dalam pembinaan sebuah masyarakat yang berpengetahuan agama di Tanah Melayu, di samping mencegah masalah buta huruf, serta menghasilkan alim ulama dan orang yang terpelajar (*Report of the Committee to Consider Financial Aids to Non-Government Islamic Religious School*, 1956: 2-3).

“we are of the opinion that the study of Islamic religion as conducted in the pondok in this country before school were existence, has played a very great part in building up peaceful and well organised society among the people of this country and in combating illiteracy and producing Alim Ulama and wise men who are now recognised religious leaders in the country and their own areas”(ibid).

Perkembangan pengajian pondok pada masa Tanah Melayu di bawah kekuasaan kerajaan kolonial British memberi peluang dan alternatif kepada orang Melayu mendapat pendidikan selain daripada pendidikan di sekolah Melayu yang wujud pada masa itu. Pendidikan pengajian pondok beroperasi dua sesi persekolahan iaitu sesi persekolahan sebelah pagi dan sesi persekolahan sebelah petang.

“The morning school admit pupils from three source, viz:

- i. Pupils who cannot get admission in any Government Schools. This occur in places where the school are too far away from the kampung or in places where communication is difficult.*
- ii. Pupils who left the Government School before completing their study.*
- iii. Pupils who after completing their study in government school are, for various reason, unable to continue their studies in other Government Schoo*

The afternoon school admit pupils from two source, viz:

- i. Pupils who are learning in Government Malay School or Government English School where no facilities for religious study are given, or where the teaching of such religion is inadequate.*
- ii. Pupils who left Government School after completing their studies or who left earlier, the former seeking to further their studies with a view to securing a living through religious knowledge”(Ibid:3).*

Pengajian Madrasah

Setelah kemerosotan institusi pengajian pondok, perkembangan pendidikan Melayu dalam aliran agama di Tanah Melayu diteruskan dengan kemunculan madrasah yang merupakan

institusi yang lebih memenuhi keperluan pendidikan yang semakin mencabar pada masa itu. Timbul perasaan kurang puas hati terhadap institusi pondok mula dinyatakan oleh intelektual Islam di Tanah Melayu. Mereka merasakan objektif pendidikan pondok adalah sempit dan isi pelajarannya hanya menjurus kepada pembelajaran asas *Fardhu Ain* sahaja. Pelajar atau golongan muda lepasan pengajian pondok dikatakan tidak disediakan dengan bekalan untuk menghadapi perubahan sosio ekonomi yang mula berkembang di Tanah Melayu semenjak pertengahan abad kesembilan belas lagi. Selain itu, pelajar lepasan aliran agama ini tidak berpeluang bekerja dengan perkhidmatan kerajaan kolonial atau dalam syarikat perdagangan milik British. Selain itu juga, ekonomi orang Melayu adalah agak mundur berbanding dengan ekonomi pendatang iaitu orang Cina dan orang India. Manakala pihak British dilihat secara sengaja mahu orang Melayu berterusan memainkan peranan dalam ekonomi di luar bandar sebagai petani dan nelayan. Pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh pihak British melalui penubuhan sekolah vernakular Melayu hanya di peringkat rendah dan penekanan hanya kepada membaca dan menulis dalam bahasa Melayu sahaja. Oleh kerana tidak mempunyai pendidikan dari sekolah Inggeris orang Melayu tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan dan bayaran gaji yang lebih baik. Bidang ekonomi komersil yang berkembang dalam industri perlombongan dan perladangan getah telah dikuasai oleh orang Cina dan India (Rosnani Hashim :25).

Perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu ketika itu semakin rancak untuk membawa perubahan paradigma terhadap pemikiran orang Melayu agar menerima unsur pemodenan yang berlandaskan al-Quran. Pada masa itu lahir golongan reformis Islam di Tanah Melayu yang mendapat inspirasi dan idea dari Timur Tengah. Tokoh yang sinonim dengan idea reformis Islam di Tanah Melayu ketika itu ialah Sheikh Tahir Jalalludin dan Sheikh Ahmad Al-Hadi (Talib Selamat, 1922) yang telah mendapat pendidikan di Mekah. Mereka dikatakan mendapat pendedahan dengan perkembangan yang berlaku di dunia Islam dengan kemunculan tokoh seperti Muhammad Abduh di Mesir (Mohamed Aboulzakir Zaki, 1965) dan Jamaludin Al-Afghani di Afghanistan (Nikkie, R.K,1983:5).

“When many student went overseas to study religion, they had the opportunity to observed and study method of teaching religion in Mecca and especially in Egypt. The students came back bring them new ideas and new methods of teaching in the pondok become little more organized (Report of the Committee to Consider Financial Aids to Non-Government Islamic Religious School, 1956: 2).”

Di Tanah Melayu golongan reformis ini juga dikenali sebagai Kaum Muda dan ianya berbeza dengan golongan Kaum Tua yang dikatakan bersifat konservatif. Golongan Kaum Muda menerbitkan majalah dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai al-Imam (Ketua) untuk menyampaikan wadah perjuangan dan menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu. Untuk tujuan itu juga, Kaum Muda menubuhkan sekolah agama moden yang pertama yang dikenali sebagai **Madrasah Al-Iqbal** pada tahun 1907 di Singapore. Ia adalah hampir sama fungsinya dengan sekolah sekular dalam organisasinya dan mata pelajaran sekular yang diperkenalkan seperti mata pelajaran Geografi, Sejarah, dan Sains sebagai mata pelajaran tambahan kepada mata pelajaran agama. Walau bagaimanapun, Madrasah Al-Iqbal tidak mendapat sambutan yang baik dalam kalangan orang Melayu yang merasakan idea yang diperkenalkan oleh Kaum Muda dikatakan bertentangan dengan Islam. Sekolah berkenaan ditutup setelah hanya bertahan selama setahun operasinya (Rosnani Hashim 1926).

Pada tahun 1917, seorang tokoh Kaum Muda iaitu Sheikh Ahmad Al-Hadi menubuhkan sebuah Madrasah Al-Hadi di Melaka tetapi mengalami nasib yang sama dengan Madrasah Al-Iqbal. Namun sebuah Madrasah Masyhor Islamiah diasaskan oleh Sheikh Ahmad Al Hadi di Pulau Pinang dan mencapai kejayaan sehingga terkenal di Tanah Melayu pada masa itu. Sheikh mengubah pendekatan pengajaran dengan tidak lagi menekankan kaedah penghafalan dan kurikulum agama yang sempit sebaliknya menggalakkan aktiviti pelajar seperti perbahasan dan retorik.

Di Kedah sebuah Madrasah Al-Hamidah dibina pada tahun 1908 oleh Sheikh Wan Sulaiman Wan Sidik. Madrasah tersebut beroperasi sehingga tahun 1935 dan ditukar nama kepada Madrasah Al-Ma'ahad al-Mahmud sempena nama Tunku Mahmud yang merasmikan madrasah berkenaan. Di Kelantan, madrasah pertama dan yang terkenal adalah Madrasah Muhammadiyah yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Dan Adat Istiadat Kelantan pada tahun 1915. Madrasah berkenaan mempunyai tiga aliran iaitu aliran Melayu, aliran Inggeris, dan aliran Arab. Aliran Melayu dan aliran Inggeris dimulakan di madrasah ini hanya pada tahun 1917 dan aliran Arab pula dimulakan pada tahun 1924. Madrasah ini agak lewat memperkenalkan aliran Arab kerana asalnya adalah untuk memenuhi keperluan anak golongan elit sahaja.

Di Perlis, Madrasah Alwiah Al-Diniah dibina pada tahun 1937 atas daya usaha Raja Syed Alwi dan dibantu oleh beberapa ahli Kaum Muda. Manakala di Melaka terdapat Kaum Muda dan Kaum Tua bertelagah dan masing-masing menubuhkan madrasah mengikut idea dan pandangan mereka sendiri. Kaum Tua menubuhkan Madrasah Al-Khairiyah Muhammadiyah pada awal tahun 1920-an dan pada tahun 1930-an telah dibina empat lagi madrasah iaitu Madrasah Islamiah di Alor Gajah pada tahun 1937, Madrasah di Bukit Katil pada tahun 1938, Madrasah Tarbiatul Dinniah di Jasin 19 pada tahun 1939, dan Madrasah Nuriah di Sungai Udang pada tahun 1940 (Khoo Kay Kim: 19).

Di Terengganu, Madrasah Al-Arabiah merupakan madrasah pertama yang dibuka pada tahun 1925 yang diadakan operasinya pada sebelah petang di sekolah Melayu Paya Bunga. Pada tahun 1933, madrasah berkenaan dipindahkan operasinya di bangunan sendiri yang dibina atas sumbangan orang awam dan diberi nama Madrasah Al-Sultan Zainal Abidin sempena nama sultan Terengganu. Di Perak, Madrasah Al-Idrisiah ditubuhkan pada tahun 1922 atas usaha Sultan Idris sendiri. Kemudian dibina pula Madrasah Al-Arabiah di Bukit Chandan pada tahun yang sama, Madrasah Ma'ahad Al-Ihya Al-Sharif (1934), dan Madrasah Al-'Ulum Al-Shari'ah (1937). Antara tahun 1930 hingga tahun 1940-an banyak madrasah dibina di negeri tersebut (Sabri Haji Said, 1983:2).

Perkembangan Madrasah di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bertambah selepas tahun 1906. Pada tahun 1913, suratkhbar Neracha melaporkan terdapat sepuluh buah Madrasah dibuka di Perak. Kebanyakan madrasah menyediakan tiga tahap pendidikan iaitu Pendidikan Rendah (Ibtidai), Pendidikan Menengah (Thanawi) dan, Pendidikan Tinggi (Aliyy). Para pelajar yang telah lulus tahap tinggi boleh melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti yang terletak di Timur Tengah seperti Universiti Al-Azhar di Mesir (Rosnani Hashim:27).

Pengajaran dan pembelajaran di Madrasah adalah agak berlainan dengan pengajian pondok. Dalam madrasah, pelajar dibahagikan kepada kelas mengikut umur dan kebolehan akademik masing-masing. Peperiksaan dijadikan asas bagi menentukan pencapaian pelajar. Setiap pelajar akan diberikan sijil setelah mereka menamatkan pengajian mereka. Bagi peringkat pengajian tertentu umpamanya, Peringkat Rendah (Ibtidai) dan Peringkat Menengah (Thanawi), jangka masa pengajian biasanya antara dua hingga empat tahun atau bergantung kepada

madrasah berkenaan. Organisasi dan kurikulum madrasah adalah tidak sama antara satu madrasah dengan madrasah lain. Walau bagaimanapun, mata pelajaran asas boleh dikatakan sama bagi semua madrasah.

Apa yang menarik ialah, madrasah menunjukkan kesediaanya menerima dan dapat menyesuaikan pengajian mereka dengan perkembangan semasa sebagai mana yang berlaku pada masa itu. Sebagai contoh Madrasah Saadiyah-Salihah di Temoh, Perak menunjukkan terdapat perubahan dalam sukatan pelajarannya mengikut jangka masa tertentu. Antara tahun 1914 hingga 1934 madrasah berkenaan menawarkan mata pelajaran Tauhid, Fiqh, Tafsir, Hadith, Tasawwuf, Nahu bahasa Arab, Saraf, Balaghah, dan Mantiq. Manakala antara tahun 1934 hingga 1959 mata pelajarannya ditambah dengan beberapa mata pelajaran baru iaitu Bahasa Melayu, Sejarah Islam, Geografi, Matematik, Masakan dan Jahitan, Syarahan dan Bahas, Usul Fiqh (Sains dan Hukum), Faraid (pusaka), Mustahalah al-Hadis (Tradisi Sains), Tajwid, Insha (karangan) dan Imla (rencana) (Badriyah Haji Salleh, 1984: 27&47).

Kemunculan dan perkembangan institusi madrasah selepas perang hingga awal tahun 1950-an dianggap sebagai zaman keemasan pendidikan agama Islam di Tanah Melayu (Nagata Judith A., 1984:43). Beberapa faktor yang mungkin menyebabkan pendidikan agama Islam terus hidup subur di Tanah Melayu kerana Kaum Muda memainkan peranan menyedarkan orang Melayu tentang kepentingan pendidikan agama Islam. Selain itu, guru-guru agama dan juga pegawai dalam majlis agama dikatakan mempunyai prestij mereka sendiri setelah memegang jawatan berkenaan terutama lewat tahun 1940-an dan awal tahun 1950 (Rosnani Hashim: 29). Selain itu, dasar pihak kolonial British yang menubuhkan sekolah Melayu tetapi tidak menyediakan pengajaran agama bagi anak Melayu terutamanya pada awal penubuhan sekolah Melayu pada pertengahan abad kesembilanbelas. Ibu bapa Melayu mendapati sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan tidak dapat memberi pendidikan agama yang mencukupi dan ini akan memberi cabaran kepada masa depan dan nasib anak. Orang Melayu juga percaya pendidikan agama Islam melalui institusi pengajian pondok dan madrasah akan dapat melahirkan pelajar atau seorang anak yang mempunyai pengetahuan dan pendidikan Islam yang terbaik (*ibid*:30). Faktor lain yang juga menyebabkan perkembangan sekolah agama mendapat sambutan kerana madrasah tidak mengenakan sebarang bayaran sebagai mana sekolah Inggeris. Ini ditambah pula pelajar lepasan sekolah vernakular Melayu tidak dapat meneruskan pengajian mereka untuk peringkat menengah kerana sekolah vernakular hanya disediakan untuk peringkat rendah sahaja dan untuk memasuki sekolah Inggeris adalah sangat sukar. Oleh yang demikian orang Melayu akan memilih sekolah agama kerana berpeluang untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi termasuk ke luar negara. Madrasah juga tidak meletakkan had umur untuk menerima kemasukan para pelajar (*ibid*).

Sikap Dan Pandangan Pentadbir British Terhadap Pendidikan Orang Melayu

Serentak dengan kemasukan konsep pendidikan sekular yang mula menular di negeri-negeri Melayu, orang Melayu masih lagi dengan pengajian pondok yang telah lama berakar umbi dalam kehidupan mereka semenjak kesultanan Melayu Melaka sehinggalah hari ini. Bermulalah penyebaran ilmu agama Islam kepada orang Melayu melalui guru agama sama ada dari luar Melaka atau orang Melayu Melaka sendiri. Telah mula terbitnya konsep belajar atau mengaji ilmu tentang agama Islam. Inilah yang dianggap sebagai pendidikan tidak formal yang mula diterima oleh orang Melayu Melaka pada masa itu. Boleh dikatakan para pedagang dari Tanah

Arab dan India sebagai perintis kepada pengenalan pendidikan tidak formal ini. Atas inisiatif mereka institusi yang dikenali sebagai sekolah pondok telah dibina seperti di Perlis, Kedah, Melaka, Terengganu, Kelantan, dan Brunei (Suffean Hussin,1993:2).

Selanjutnya orang Melayu pada masa itu terus mendapat pendidikan tentang pengajian agama Islam ini yang dijalankan di surau atau masjid pada waktu malam. Guru yang mengajar adalah terdiri daripada imam dan haji yang kebanyakannya berketurunan Sayid dan Sheikh. Pelajar lelaki dan perempuan yang mengikuti kelas pengajian ini adalah belajar tentang membaca al-Quran dan Tajwid, Tafsir al-Quran, Hadis, Fiqah dan Tauhid (Awang Had Salleh,1980:7). Sekolah pondok dikatakan lebih sistematik dan institusi ini dibina oleh alim ulama dan masyarakat setempat yang dibina di kawasan berhampiran pantai dan sungai kerana pengangkutan utama pada ketika itu ialah sampan dan perahu layar. Bangunan sekolah dibina dengan menggunakan papan dan beratapkan daun nipah atau daun rumbia dan kemudah kelas hanyalah papan batu dan qalam. Meja dan kerusi dibuat sendiri oleh pelajar-pelajar. Buku-buku rujukan terdiri daripada kitab-kitab al Quran, Hadis, Feqah, Tauhid yang didatangkan dari Mesir dan negara-negara Arab yang lain (Suffean Hussin:3).

Di antara abad kelapan belas dan lewat abad kesembilan belas, negeri Terengganu, Kelantan, dan Kedah merupakan negeri-negeri yang mempunyai ramai tokoh ulama Islam yang telah berusaha mendirikan sekolah-sekolah pondok. Di antara tokoh-tokoh ulama di Terengganu ialah Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tuk Pulau Manis), Sheikh Daud bin Abdullah Al-Fatani (Tuk Sheikh Duyung), Syeikh Abdul Kadir dan Sayid Muhammad bin Zainal Abidin. Di Kelantan tokoh utama yang terkenal ialah Tuk Selehor, Tuk Padang jelapang, Tuk Kemuning, Tuk Bacok dan Tuk Kenali. Di Kedah pula, tokoh agama yang mendirikan sekolah pondok ialah Haji Muhammad Taib Mufti, Haji Muhammad Noor, Haji Muhammad Ali, Haji Muhammad Salleh Penaga, Haji Sahar, Syeikh Waksa dan Haji Muhammad Tamin (Awang Had Salleh: 4).

Pendidikan agama Islam ini diakui oleh pegawai British sebagai asas yang memula dan mencetuskan pendidikan di Tanah Melayu sebelum kedatangan British lagi. Walaupun tidak dinyatakan secara terus atas sebab yang mungkin dikatakan sebagai menunjukkan mereka adalah yang 'terbaik' jadi tidaklah menyatakannya secara langsung. Tetapi, pendapat mereka tentang pembelajaran dan pengajaran pendidikan agama dalam kalangan orang Melayu dikatakan hanya menekankan kepada latihan membaca sahaja seolah-olah '*mengajar burung kakatua*', sehelai demi sehelai sehingga tamat. Walau bagaimanapun, bacaan adalah menekan atau menjaga aspek *tajwid* (menyebut mengikut sebutan yang betul) sebagaimana syarat untuk membaca al-Quran. Para pelajar dikatakan lebih memberi tumpuan kepada aspek bacaan tetapi tidak memahami maksud yang terkandung dalam ayat yang dibacanya. Inilah yang dipersoalkan oleh Raffles terhadap sistem pemelajaran dan pengajaran orang Melayu semasa beliau singgah melawat Melaka untuk pergi ke Pulau Jawa bersama Abdullah Munsyi. Richard Winstedt juga merupakan seorang pegawai British di Tanah Melayu juga menyatakan:

"Kanak-kanak Melayu telah diajar membaca lagu al-Quran dari satu muka surat ke satu muka surat lain dalam bahasa yang mereka tidak fahami"
(Winstedt,1962:131).

Sebaliknya pendapat yang dinyatakan oleh H.A.R Cheeseman jauh amat berbeza dengan dengan pandangan awal Raffles iaitu Cheeseman menyatakan bahawa:

“We are accustomed to hear scorn poured upon the parrot-like repetition of the Koran. But those religious classes marked the beginning of education in Malaya.... I learned much there, including the important truth that the Koran even imperfectly understood can touch hearts and stir thought” (Cheeseman,1955:31)

Bagi pentadbir kolonial yang prejudis mereka menganggap pendidikan Melayu yang berteraskan pengajian al-Quran mempunyai kelemahan, dengan merujuk kata-kata Raffles yang menganggap orang Melayu tidak memahami bahasa Al Quran (bahasa Arab) pada ketika itu dan tahu membaca dan menghafal sahaja. Jika diteliti, mungkin kesilapan Raffles kerana ia mungkin tidak tahu sejarah awal tanah Melayu. Sejarah perkembangan agama Islam bermula dengan pengislaman Kesultanan Melayu Melaka. Dengan kekuasaan dan pengaruh sultan Melaka dewasa itu, agama Islam berkembang dengan begitu cepat yang berjaya mengubah pegangan orang Melayu terutamanya daripada kepercayaan animisme dan Hinduisme kepada pegangan agama Islam (Haris Md Jadi, 1990:3).

Dalam Sejarah Melayu (Shellabear,1967:114-115), turut menjelaskan setelah Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan Islam, antara abad ke-15 hingga ke-17, pendidikan agama Islam (terutamanya pengajian tentang al-Quran diadakan di surau atau masjid dalam perkampungan orang Melayu dengan berguru kepada imam atau guru-guru Al-Quran. Perkembangan agama Islam juga dapat dilihat bertambah maju apabila beberapa orang alim ulama seperti Syarif Muhammad, Syeikh Daud bin Abdullah, dan Syeikh Abdul Kadir yang berhijrah dari Timur Tengah ke Kuala Terengganu pada kurun ke-18. Mereka memperkembangkan pendidikan agama terutama yang berteraskan pengajian al-Quran dan Hadis (Mak Soon Sang,1998:2-3).

Menurut Asmah Haji Omar (1993), kedatangan Islam telah membawa perkembangan tulisan di alam Melayu yakni secara tidak langsung menunjukkan bahawa pendidikan dalam kalangan orang Melayu berkenaan adalah bersifat dinamik sebagai mana yang dinyatakannya:

“With Islamization, the Malay language totally abandoned the script of indian origin (Pali script) and adopted the Arabic system of writing, inserting modification to suit the Malay phonological system” (Asmah Haji Omar,1993:3).

Menurut Asmah Haji Omar (1993) lagi, setelah kedatangan orang Barat keadaan dan bentuk sistem tulisan di Tanah Melayu diperkenalkan dengan sistem tulisan yang baru. Dalam hal ini, Asmah menjelaskan:

“After almost five centuries of using only this script (Arabic/jawi) to write their language, the Malays found it feasible to adopted the Latin script from the West. Up to the first half of this century (i.e 1900 – 1940) the Arabic script better known as the jawi script had always been the prefer one. After the Second World War and the increase of secular education via the Malay language, the Latin script began to advance in popularity”(Ibid).

Orang Melayu seharusnya berbangga dengan kedudukan Bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa perantaraan atau bahasa ilmunan pada masa kerajaan Melayu Melaka mencapai keagungannya malah seawal kemunculan kerajaan Sriwijaya sekitar tahun 683, 684 dan 686 (Nik

Safiah Karim *et.al*, 2002:9). Bahasa Melayu digunakan dalam pengajian atau pendidikan yang bersifat ilmiah. Penghasilan penulisan dalam bahasa tersebut, penggunaanya dalam lapangan pentadbiran, perniagaan dan perhubungan antarabangsa meningkatkan bahasa tersebut kepada bahasa yang bersifat saintifik, bahasa ilmiah, bahasa perhubungan dan bahasa pentadbiran (Shafie Abu Bakar: 182) memandangkan sifat bahasa Melayu juga yang dinamik (Nik Safiah Karim *et.al*:6).

Kesimpulan

Perkembangan pendidikan dalam kalangan orang Melayu di Tanah Melayu sebelum kedatangan kolonial adalah dibahagikan kepada pendidikan sosialisai keluarga, pendidikan keagamaan yang terkandung pengajian agama, pengajian sekolah pondok dan pengajian madrasah. Pendidikan keagamaan yang telah dilaksanakan dalam masyarakat Melayu adalah menekankan ajaran agama Islam. Bagi pihak kolonial, mereka melihat bahawa perkembangan pendidikan dalam kalangan orang Melayu adalah mundur dan tidak bersistematik dan perlu bagi mereka melaksanakan pendidikan secular yang menekankan konsep pendidikan yang dikenali sebagai *western-type-education*.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil dari Geran UPSI : 2015-0065-106-01.

Rujukan

- Asmah Haji Omar.(1993). *Language and society in Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Abdul Garni bin Haji Said (1977). *Tuan Hussein Kedah*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. (belum diterbitkan lagi)
- Awang Had Salleh. (1980) *Pendidikan ke Arah perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Abdullah Haji Ishak.(1987). *Ke Arah Mengembalikan Identiti Pengajian Pondok di Malaysia*, Kuala Lumpur.Universiti Malaya,.Tesis doktor Falsafah. (belum diterbitkan lagi).
- Azemi Kadir.(1986). *Madrasah Al-Diniah Al-Bakriah, Pasir Tumboh, Kota Bharu Kelantan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. (belum diterbitkan).
- Badriyah Haji Salleh.(1984). *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihah 1914-1915*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman.(1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaakob Harun.(1989). *Keluarga Melayu: Bentuk, Organisasi dan Fungsi*, dalam Mohd Taib Osman (ed).*Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Stevenson, R., 1975, *Cultivators And Administrators: British Educational Policy Towards The Malay 1875-1906*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.
- Manderson, L. (1981). *Wanita, Politik, Dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945 – 1972*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Winstedt, R.O.(1966). *Malaya and Its History*. London. Hutchison University Library.
- Mansur Sanusi. (1955). *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*. Jabatan Persuratan Kesatuan Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung.Pulau Pinang. Sinaran Brash.
- Moehlman, Arthur Henry. (1951). *Education In Various Cultures in Moehlman, Arthur Henry. And Roucek Joseph. S.. Comparative Education*.New York. Henry Holt And Company.
- Report of the Committee to Consider Financial Aids to non-Government Islamic Religious School*, 1956.
- Shafie Abu Bakar. (1987). *Melaka Sebagai Lambang Keagungan Bangsa Melayu, Dalam Pertemuan Dunia Melayu '82*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shellabear, W.G. (1967). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Fatimi. S.Q..(1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore. Malaysian Sociological Research Institute.
- Francis.H.K . Wong and Gwee Yee Hean. (1972). *Perspective: The Development of Education in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur. Heinemann Educational Book.
- Rosnani Hashim.(1996). *Educational Dualism in Malaysia: Implication for Theory and Practice*. Kuala Lumpur. Oxford University Press.
- Cowan J.M. (1976). *The Hans Wehr Dictionary of Modern Written Arabic*. New York. Spoken Language Service.
- Saudah Che latif. (1978). *Pendidikan Islam di Negeri Terengganu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. latihan Ilmiah Sarjana Muda. (belum diterbitkan lagi)
- Tengku Aziz Tengku Ibrahim. (1975). *Pondok Ghani Sebagai Institusi Pendidikan*. Kuala Lumpur.Universiti Malaya. Latihan Ilmiah Sarjana Muda.
- Roff. W.R.(1975). *Nasionalisma Melayu*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Khoo Kay Kim.(1980). *Perkembangan Pelajaran Agama Islam* . dlm. Awang Had Salleh (ed), *Pendidikan ke Arah Perpaduan*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Selamat. (1992). *Syed Syeikh Al-Hadi : Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Aboulkhir Zaki. (1965). *Modern Muslim Thought in Egypt and Its Impact on Islam in Malaya*. Tesis Ph.D. Universiti Of London, (belum diterbitkan)
- Nikkie. R. K.. (1983). *An Islamic Response to Imperislm: Political and Religious Radical Writing of Sayyid Jamal ad-Din 'al-Afghani*. Berkeley. University of Carlifornia Press.
- Sabri Haji Said. (1983). *Madrasah Al-Ulum Al-Syariah 1937-1977: Satu kajian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nagata, Judith A. (1984). *The Reflowering of Malaysian Islam: Modern Religious Radicals And Their Roots*. Vancouver. University of British Columbia Press.
- Suffean Hussin.(1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah. Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, Richard. (1962). *Malaya and Its History*. London: Hutchison University Library.
- Cheeseman, H.R.. (1955). *Education in Malaya 1900-1941, The Malayan Historical Journal*.
- Haris Md. Jadi. (1990). *Etnik, Politik Dan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shellabear, W.G. (ed). (1967). *Sejarah Melayu*. Singapore. Malayan Publishing House.
- Mok Soon Sang. (1998). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur. Kumpulan Suluh Budiman Sdn.Bhd.
- Nik Safiah Karim et.al., (2002). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.